

"JED"

RAHSIA DI SEBALIKNYA

Oleh:

AZLINA BINTI ABDUL RANI

91128491

DIPLOMA SENIREKA LOGAM HALUS
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN

SESSI 1995

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kehadiran Allah swt kerana tesis saya yang bertajuk 'Jed.....Rahsia disebaliknya' telah siap disempurnakan untuk tatapan semua pihak.

Tesis ini telah berjaya dengan bantuan dan tunjuk ajar dari pelbagai pihak. Diharap dengan terhasilnya tesis ini, maka ia dapat menarik minat para pembaca dalam menghayati dan memahami hasil kesenian warisan masyarakat Cina dalam industri permata serta pertukangan barang kemas.

Disamping itu, diharapkan minat yang mendalam tentang permata jed dapat dipupuk kedalam segenap lapisan masyarakat, supaya ia tidak dianggap sebagai permata milikan bangsa Cina lagi. Biarlah generasi masa depan mengenali jed sebagai permata perhiasan yang sama seperti batu berlian, zamrud, mutiara dan sebagainya.

Disini ingin saya merakamkan ucapan ribuan terimakasih saya yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang telah banyak membantu saya dalam menyelesaikan dan menyiapkan tesis ini. Mereka ialah :-

Puan Fuziah Kassim

Pensyarah Jabatan Senireka Logam Halus

Kajian Senilukis dan Senireka

Institut Teknologi Mara

(Penasihat 1)

SINOPSIS

'Kecantikan berada di mana-mana sahaja tetapi tidak semua orang dapat menikmatinya'. Begitulah bunyi pepatah Inggeris yang telah di terjemahkan kedalam Bahasa Malaysia. Ia membawa maksud bahawa tidak semua orang dapat menikmati keistimewaan atau sesuatu kelebihan yang ada pada suatu barang atau manusia itu sendiri. Oleh yang demikian tujuan saya menghasilkan tesis ini adalah untuk berkongsi bersama tentang rahsia dan misteri sebiji permata hijau yang di kenali sebagai 'jed'.

Untuk tatapan bersama, telah lahirlah sebuah tesis yang bertajuk 'Jed Rahsia di sebaliknya'. Tesis ini dihasilkan untuk memecah belenggu pemikiran masyarakat kita tentang permata ini bukan hanya untuk di miliki oleh orang Cina sahaja. Tetapi jed juga boleh di miliki oleh semua orang tanpa mengira bangsa dan agama. Jed merupakan permata yang berharga yang sama taraf dengan berlian, mutiara, zamrud dan sebagainya. Permata ini bukan sahaja hadir didalam warna hijau sahaja, tetapi ia mempunyai pelbagai warna yang menarik seperti warna merah, kuning dan bermacam-macam lagi. Jika kita tidak mengkajinya dengan mendalam maka kita tidak akan tahu tentang rahsia dan keistimewaan-nya.

Halaman pemeriksaan

Sekapur sireh seuntai kata

Penghargaan

Sinopsis

Senarai gambar

Senarai sisipan

Isi kandungan

BAB 1

Pengenalan

1.1 Asal-usul nama jed	1
1.2 Kawasan penemuan jed	8
1.3 Jed dari zaman Neolitik hingga ke abad 20	15

BAB 2

MENGENAL JED	27
2.1 Jadeite	28
2.2 Nephrite	32
2.3 Jed tiruan	35
2.4 Warna jed	39
2.5 Nilai jed	44

BAB 3

TEKNIK PEMOTONGAN JED DAN UKIRANNYA

3.1 Teknik yang di gunakan pada zaman dahulu	47
3.2 Teknik yang di gunakan pada masa kini	50
3.3 Ukiran Jed	51

PENGENALAN

Asal-usul nama jed

Bagi masyarakat Melayu, batu jed merupakan milikan kepada masyarakat Cina. Pada zaman dahulu, jika seseorang Melayu memakai perhiasan yang bertatahkan permata jed, pasti ada yang bersuara...., "Eh! engkau hendak jadi orang Cina ke?". Pada pemikiran masyarakat Melayu dan masyarakat -masyarakat lain selain dari kaum Cina, seolah-olah telah terpahat bahawa batu jed adalah melambangkan kepada bangsa Cina dengan agama Buddha mereka. Bagaimana pun tanggapan seperti ini kian pupus dihakis pergi oleh peredaran masa dan zaman. Pada akhir abad yang ke- 20 ini, tanggapan yang sedemikian rupa sudah boleh di katakan luput sama sekali. Walau pun masih ada segelintir masyarakat yang bertanggapan sedemikian tetapi ramai masyarakat dewasa ini tidak kira bangsa atau agama telah mempunyai perhiasan yang bertatahkan permata jed ini.